



kpkm

JANUARI 2026

BULETIN 2025

PERWAKILAN TETAP MALAYSIA KE FAO, IFAD & WFP

-----SOROTAN AKTIVITI TAHUN 2025-----



SEKILAS PANDANG

Sepanjang tahun 2025, wakil tetap Malaysia ke agensi teknikal makanan dan pertanian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB): *Food and Agriculture Organisation (FAO)*, *International Fund for Agricultural Development (IFAD)* dan *World Food Programme (WFP)*, telah memainkan peranan secara aktif dalam memastikan kepentingan dan keutamaan negara dalam bidang pertanian, keselamatan makanan, nutrisi dan biodiversiti sentiasa terpelihara.

Keterlibatan aktif Malaysia di agensi PBB yang berpangkalan di Rom ini adalah cerminan kepada sinergi yang utuh antara KPKM dan Kementerian/Agensi lain terutamanya Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Kesihatan (MOH), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Pelaburan (MITI), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI), Jabatan Peguam Negara (AGC) serta Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC) dan Sabah (SaBC).



Food and Agriculture
Organization of the
United Nations



IFAD

Investing in rural people



World Food
Programme

PENGLIBATAN MESYUARAT PELBAGAI HALA UTAMA PERSIDANGAN FAO 2025


Persidangan dwi-tahunan ini merupakan forum utama FAO dalam menentukan hala tuju dasar makanan dan pertanian global. Delegasi Malaysia pada persidangan kali ke-44 pada 30 Jun sehingga 4 Julai 2025 diketuai oleh Datuk Seri Mohamad Sabu, YB Menteri dan Datuk Seri Isham Ishak, Ketua Setiausaha.

Semasa sesi kali ini, selain menyampaikan kenyataan negara, YB Menteri juga mengadakan kunjungan hormat ke atas Dr. Qu Dongyu, Ketua Penagarah FAO bagi membincangkan beberapa perkara termasuk penekanan kepada keutamaan menangani krisis kemanusiaan yang berlaku di bumi Gaza.



Hasil Utama

- Kelulusan Resolusi FAO 8/2025 (Program Kerja dan Belanjawan 2026-2027);
- Pelantikan Encik Mina Rizk dari Mesir sebagai Pengerusi Majlis FAO (2025-2027);
- Malaysia mengekalkan kerusi ahli Majlis FAO (bermula 1 Januari 2028); dan
- Malaysia dilantik menganggotai Jawatankuasa Program FAO (2025-2027) mewakili kumpulan serantau Asia bersama Jepun, dan sepuluh (10) negara lain.




PENGLIBATAN MESYUARAT PELBAGAI HALA UTAMA MAJLIS FAO 2025

Malaysia menghadiri sesi Majlis FAO ke-177, ke-178 dan ke-179 pada April, Jun dan Disember 2025 sebagai ahli Majlis dan telah memainkan peranan penting sebagai negara ahli, wakil kumpulan serantau Asia dan kumpulan negara membangun (*G77 & China Rome Chapter*).

Pada Sesi Disember 2025, Malaysia menyampaikan lima (5) kenyataan negara terkait situasi semasa keselamatan makanan dan nutrisi global termasuk Gaza serta laporan badan subsidiari FAO (Jawatankuasa Kewangan, Program dan Perundangan)

Malaysia juga menyampaikan kenyataan mewakili kumpulan Serantau Asia bagi cadangan pelarasan Program Kerja dan Belanjawan 2026-2027.

Di bawah agenda Reformasi FAO selaras dengan Resolusi Persidangan 3/2025, Majlis memutuskan untuk menubuhkan dua *open ended ad-hoc working group* (OEWG) yang memberi tumpuan kepada tadbir urus dan pelaksanaan mandat, serta strategi operasi.



PENGLIBATAN MESYUARAT PELBAGAI HALA UTAMA



PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Malaysia mengambil bahagian dalam 48th Session of IFAD Governing Council pada Februari 2025 yang memfokuskan mengenai mekanisme pembiayaan bagi pembangunan luar bandar yang berdaya tahan di bawah *Replenishment* Ketiga Belas IFAD (2025-2027).

BIODIVERSITI DAN SUMBER ASLI

Semasa *Resumed Session* CBD COP16, Februari 2025, Malaysia bersama negara membangun berjaya merunding dan mencapai persetujuan untuk strategi baharu pembiayaan di bawah *Resource Mobilisation Strategy* (2025-2030). Di samping itu, *Global Kunming-Montreal Biodiversity Framework* (KMGBF) *Monitoring Framework* juga berjaya dimuktamirkan bagi memperbaiki mekanisme pemantauan dan pelaporan bagi mencapai sasaran KMGBF.



KESIHATAN TUMBUHAN DAN BIOSEKURITI

Malaysia pada 19th Session of the Commission on Phytosanitary Measures (CPM-19), Mac 2025, menyumbang kepada penerimaan Piawaian Antarabangsa baharu bagi langkah fitosanitari, termasuk ISPM 46 (mangga) yang relevan untuk perdagangan produk pertanian Malaysia.

PENGLIBATAN MESYUARAT PELBAGAI HALA UTAMA

SUMBER GENETIK UNTUK MAKANAN DAN PERTANIAN

Malaysia merupakan negara ahli di bawah *International Treaty on Plant Genetic Resources for Food and Agriculture* (ITPGRFA).

Pada hujung Mac 2025, Malaysia terlibat dalam perbincangan *20th Session on Genetic Resources for Food and Agriculture* (CGRFA20) dalam meluluskan pelaksanaan dan kajian semula Pelan Tindakan Global dan aktiviti lain mengenai tumbuhan, haiwan, akuatik, hutan, dan mikroorganisma serta sumber genetik invertebrata untuk makanan dan pertanian. Semasa sesi ini, dua (2) laporan global utama "*State of the World*" mengenai sumber genetik tumbuhan dan hutan dilancarkan.



BIOEKONOMI UNTUK MAKANAN DAN PERTANIAN

Malaysia menyertai *Group of Friends on Bioeconomy for Sustainable Food and Agriculture*, yang ditubuhkan pada bulan Oktober 2025. Kumpulan ini bertujuan untuk membawa agenda bioekonomi yang mampan di dalam dan luar ekosistem FAO bagi memastikan kelestarian alam sekitar dan kecekapan sumber dapat direalisasikan secara bersama.

TAHUKAH ANDA?

- FAO ditubuhkan pada 16 Oktober 1945 di Quebec City, Canada
- FAO meraikan ulang tahun ke-80 pada tahun 2025.
- Malaysia menjadi negara ahli FAO pada 9 November 1957.
- Pejabat Perwakilan Pertanian, Rome telah dibuka pada Mac 1978.



PENGLIBATAN MESYUARAT PELBAGAI HALA UTAMA



KETERJAMINAN DAN KESELAMATAN MAKANAN, INOVASI DIGITAL DAN PEMERKASAAN BELIA

- Malaysia terlibat secara aktif dalam *53rd Session Committee on World Food Security (CFS53)*. Malaysia secara konsisten terus menekankan mengenai kesan konflik terhadap keterjaminan makanan dan nutrisi dengan penekanan khususnya isu di Gaza.
- Dalam isu keselamatan makanan, Malaysia terlibat dalam *48th Session of CODEX Alimentarius Commission* pada November 2025. Semasa sesi ini, beberapa keputusan penting termasuk penerimaan kepada 720 piawai CODEX yang baharu dan dinilai semula. Ianya penting sebagai keperluan untuk perdagangan produk makanan negara.



INOVASI DIGITAL DAN PEMERKASAAN BELIA

- Semasa CFS53, Malaysia bersama India menganjurkan sesi diskusi mengenai infrastruktur awam digital dan penyelesaian digital dalam bidang pertanian.
- Malaysia juga menyertai Forum Makanan Sedunia dan Hari Makanan Sedunia 2025 yang juga merupakan hari ulang tahun ke-80 FAO. Forum ini menjadi platform untuk belia berkongsi pandangan dan pengalaman berkaitan bidang makanan dan pertanian.



IMPAK STRATEGIK

- Mempengaruhi keputusan dalam menentukan hala tuju dan tadbir urus FAO.
- Memastikan penajaran keutamaan negara semasa penggubalan dasar global.
- Menambahbaik keterlihatan dan kredibiliti sebagai negara anggota, ahli kumpulan serantau Asia dan ahli kumpulan negara membangun (*G77 & China, Rome Chapter*)

MANFAAT UNTUK NEGARA

PENGARUH LEBIH KUKUH DALAM TADBIR URUS FAO

Pemilihan Malaysia ke Majlis FAO dan Jawatankuasa Program memberikan ruang untuk mempengaruhi secara langsung keputusan belanjawan, keutamaan program, dan pembaharuan institusi.

PENYELARASAN DENGAN AGENDA NASIONAL

Penglibatan ini boleh mengukuhkan keutamaan Malaysia dalam keterjaminan makanan, pertanian mampan, pemuliharaan biodiversiti, serta transformasi digital.

PENJAJARAN STRATEGIK SEBAGAI AHLI MAJLIS

Penglibatan awal membolehkan Malaysia mempengaruhi naratif, membina jaringan/sekutu serta membuat persediaan substantif menjelang tempoh keanggotaan Majlis yang baharu bermula pada 2028.

SINERGI ANTARA KEMENTERIAN/AGENSI

Penglibatan Malaysia memerlukan penyelarasan berterusan antara Kementerian dan agensi bagi memaksimumkan manfaat penyertaan di platform multilateral.



FOKUS SETERUSNYA

Malaysia akan terus memanfaatkan posisi untuk:

- memajukan keutamaan negara dan serantau seperti bidang bioekonomi;
- menyelaraskan dasar agromakanan dan pertanian negara dengan dasar global;
- memanfaatkan pemindahan pengetahuan dan kepakaran FAO dan negara ahli lain;
- menambahbaik sistem agromakanan negara yang lebih inklusif dan berdaya tahan; dan
- memperkukuh kerjasama Selatan-Selatan.

© PEJABAT PERWAKILAN PERTANIAN

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA, ROM
VIA NOMENTANA 297, 00198 ROM



MALAYSIA
MADANI



Cukup &
Terjamin